

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PERKHIDMATAN/I

K'JAAN AKAN BERI PAKEJ GALAKAN KEPADA PUSAT PENGENDARAN SERANTAU YANG DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan bahawa satu pakej galakan akan diberikan kepada Pusat Pengedaran Serantau yang Diluluskan untuk menjamin peningkatan kukuh dalam pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Ini akan meliputi pengecualian cukai pendapatan penuh selama 10 tahun yang juga dilanjutkan kepada Pusat Pemerolehan Antarabangsa yang Diluluskan, pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan bagi tujuan pengedaran, dan jawatan pegawai dagang menurut keperluan.

Dalam usaha menarik lebih banyak syarikat Ibu Pejabat Operasi (OHQs) dan pejabat-pejabat wakil untu berooperasi di Malaysia, kerajaan akan mengecualikan daripada cukai pendapatan ke atas pendapatan yang diterima oleh OHQ untuk tempoh 10 tahun, pegawai dagang di OHQ dan pejabat-pejabat wakil tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas sebahagian daripada pendapatan yang diterima semasa tinggal di Malaysia dan syarat yang memerlukan rakyat-rakyat asing termasuk pegawai dagangan berada di Malaysia pada 31 Dis dan 1 Jan tahun berikutnya akan layak untuk dikenakan cukai sebagai pemastautin, dikecualikan.

Pakej galakan itu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di dalam ucapan Belanjawan 2003 beliau di Parlimen hari ini.

Dr Mahathir berkata untuk menggalakkan eksport perkhidmatan, potongan berganda ke atas perbelanjaan yang ditanggung dalam penggalakan eksport dilanjutkan untuk termasuk syarikat-syarikat perkhidmatan profesional yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan.

Katanya perkhidmatan yang dibekalkan oleh agen-agen kastam yang cekap dan mahir akan memastikan sistem penghantaran yang cekap.

Ke arah matlamat itu, kelulusan bagi agen kastam diberikan kepada mereka yang telah menjalani latihan dan berjaya dalam peperiksaan yang disyaratkan.

Untuk mengurangkan kos pengangkutan dan juga menggalakkan pembangunan industri pengangkutan, cukai jalan ke atas kepala lori (prime mover) dan separa trailer disusun semula.

Sebagai contoh, katanya kepala lori dengan berat 5,500 kg dan separa trailer dengan berat 26,000 kg akan dikenakan cukai jalan sebanyak RM6,627 setahun, pengurangan sebanyak RM4,399.

Dr Mahathir juga berakta kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menjadikan Labuan sebagai pusat bagi pendaftaran kapal-kapal antarabangsa dan Langkawi sebagai pusat pendaftaran sekuci-sekuci (bot).

Ini akan merupakan tambahan kepada peranan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir, dan Langkawi sebagai destinasi pelancong. -- BERNAMA

AKT KTC OS